

29/11/1998

Usaha pecah rekod Asia

BERANI ahli aksi lasak tempatan, Saharuddin Yusof (gambar) menunjukkan ketangkasannya menuruni Menara Kuala Lumpur - menara telekomunikasi keempat tertinggi di dunia.

Saharuddin mengadakan sesi latihan selama tiga jam semalam bagi menentukan keadaan cuaca pada ketinggian 319 meter sebelum membuat cubaan menuruni menara setinggi 421 meter itu dalam usaha memecahkan rekod Asia sempena sambutan Malam Anugerah Malaysia Book of Records pada 9 Disember ini.

Aksi lasak itu akan disiarkan secara langsung pada majlis sambutan itu yang akan turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Saharuddin akan menggunakan sejenis tali khas dipanggil carmental static rope sepanjang 400 meter, yang dibuat daripada nylon dan patalon.

Bekas anggota tentera itu bagaimanapun berharap mendapat tajaan sebanyak RM10,000 bagi membolehkannya memperoleh tali sepanjang 400 meter itu, sekali gus menjayakan aksi berkenaan.

Pada masa ini, beliau masih kekurangan tali sepanjang 100 meter. Jabatan Bomba dan Penyelamat setakat ini menderma tali sepanjang 300 meter.

Saharuddin yang berasal dari Kampung Baru, bersara daripada angkatan tentera pada 1992 dan menjadi ahli aksi lasak sepenuh masa yang membolehkannya memperoleh pendapatan lebih lumayan.

(END)